

# **KEMAHIRAN MENULIS: PENINGKATAN KEMAHIRAN DALAM KALANGAN PELAJAR MELALUI PROGRAM ‘TINTA EMAS’**

**Zaleha Ahmad**

*Park View Primary School, Ministry of Education  
Singapore  
zaleha\_ahmad@moe.edu.sg*

## **Abstract**

Ketidakupayaan murid untuk mengolah isi karangan dan menggunakan teknik penulisan yang baik merupakan cabaran yang dialami oleh guru-guru yang mengajar murid darjah tiga dan empat. Transisi pembelajaran dari darjah rendah bawah ke darjah rendah atas memerlukan para murid untuk menguasai kemahiran menulis baharu, iaitu menulis karangan dalam bentuk deskriptif dan naratif. Satu tinjauan yang dibuat oleh guru pada awal tahun mengukuhkan dapatan ini. Program Penulisan Tinta Emas merupakan usaha perintis yang bertujuan untuk menambah baik kaedah pengajaran kemahiran menulis yang memfokuskan kepada aspek proses mengarang. Penggabungjalinan pendekatan struktural dan kreatif telah digunakan dalam melakarkan aktiviti-aktiviti pembelajaran yang berpusatkan murid. Latihan secara sistematik, berterusan dan penuh disiplin akan dapat memupuk kemahiran menulis dengan lebih baik di dalam diri murid khususnya di peringkat awal pembelajaran. Dapatan awal pemantauan guru yang dijalankan dengan kohort murid darjah tiga dan empat menunjukkan keberkesanan dengan adanya peningkatan dari segi mutu karangan murid. Murid juga lebih yakin untuk menerapkan pelbagai teknik penulisan dan menggunakan retorika bahasa semasa mengarang. Dapatan yang lengkap dan kukuh akan diperolehi di akhir Semester 2.

Kata Kunci: Kemahiran Menulis, Tinta Emas, Karangan, Retorika

## **Biographical Data:**

Cikgu Zaleha Ahmad merupakan seorang guru kanan di Sekolah Rendah Park View. Beliau memegang ijazah Sarjana Muda Pendidikan Kelas Kedua dari Universiti Nanyang Teknologikal Singapura. Cikgu Zaleha telah berkhidmat di dalam bidang pendidikan selama 15 tahun dan pernah menyandang tugas sebagai Ketua Subjek di sekolah yang sama. Beliau seringkali melibatkan diri di dalam pembentangan hasil kajian pelajar di dalam Seminar Bahasa Peringkat Nasional di Singapura.

## **Pengenalan**

Arus globalisasi dan modernisasi kini telah mengubah hakikat berkomunikasi dan berbahasa di seluruh pelosok dunia. Globalisasi dan modernisasi merupakan fenomena global yang tidak dapat dielakkan. Hakikatnya, ini telah mencetuskan pelbagai cabaran baharu terhadap pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu di sekolah khususnya dalam pengajaran kemahiran menulis. Profil pelajar yang lebih beragam, kurang pendedahan terhadap bahan bacaan Melayu, keterbatasan penguasaan kosa kata, kurang penekanan terhadap penggunaan Bahasa Melayu di rumah merupakan contoh-contoh cabaran yang dihadapi oleh guru-guru yang mengajar subjek Bahasa Melayu di sekolah. Melalui tinjauan yang dilakukan oleh guru-guru, faktor-faktor ini bukan sahaja mempengaruhi motivasi malahan kelakonan pelajar di dalam bilik darjah. Oleh kerana itu, pihak sekolah harus bijak melakarkan strategi-strategi tertentu yang bersesuaian dengan keperluan pelajar bagi membolehkan pelajar untuk menguasai empat teras kemahiran yang disasarkan oleh pihak kementerian. Selain daripada itu usaha jitu juga harus diambil untuk meningkatkan penguasaan berbahasa di kalangan pelajar melalui aktiviti-aktiviti yang lebih bermakna.

Program Penulisan Tinta Emas dihasilkan untuk membina kemahiran menulis di kalangan pelajar melalui mekanisme pengajaran karangan secara berpandu. Pelajar-pelajar diberi pendedahan pada aspek-aspek penulisan seperti struktur penulisan dan retorika bahasa di dalam karangan secara progresif. Di dalam program ini juga pelajar bukan diajar proses untuk mengedit dan menyerlahkan isi karangan malahan diberi pendedahan kepada asas retorik dan gaya bahasa secara langsung seperti penggunaan bahasa berbunga, metafora, simili, bandingan semacam dan hiperbola yang diharap dapat meningkatkan mutu karangan pelajar secara menyeluruh.

Melalui program ini, secara tidak langsung ia akan dapat meningkatkan keupayaan pelajar untuk menghasilkan karangan yang bermutu dari segi kepadatan isi dan juga menggunakan gaya bahasa yang menarik.

## **Pernyataan Masalah**

Seandainya program penulisan secara berstruktur dan progresif diperkenalkan kepada pelajar, dapatkah ia meningkatkan tahap kemahiran menulis para pelajar khususnya dalam bentuk penulisan karangan deskriptif dan naratif.

## **Tujuan Kajian**

Tujuan mengarang bagi peringkat sekolah rendah secara amnya adalah untuk melahirkan pelajar yang dapat mengolah idea atau pendapat berdasarkan situasi atau tajuk tentang sesuatu perkara dalam sesuatu bentuk karangan tertentu seperti laporan, autobiografi, cereka, e-mel mahupun surat kiriman.

Untuk menghasilkan pelbagai bentuk karangan secara berkesan, pelajar bukan sahaja harus diajar tentang struktur karangan secara mekanis malahan juga didedahkan kepada kemahiran menulis yang lebih rinci seperti kemahiran berfikir, menaakul, menyusun dan mengolah idea sebelum dilahirkan dalam bentuk wacana yang lengkap.

Sejajar dengan objektif hasil pembelajaran kemahiran menulis bagi Darjah Empat dan Enam maka kajian ini bertujuan untuk:

1. Menambah baik kaedah pengajaran kemahiran menulis yang dijalankan di bilik darjah

2. Memberi pengalaman menulis secara konstruktif dan membina sikap positif terhadap penulisan serta menggalakkan pelibatan pelajar secara aktif semasa kelas penulisan dijalankan
3. Membantu pelajar untuk melahirkan idea dengan menggunakan gaya bahasa yang menarik.
4. Melatih murid-murid mengembangkan karangan dalam bentuk pemerenggan yang betul

Pihak jabatan berpendapat bahawa pendekatan terhadap pengajaran kemahiran mengarang harus dilakukan secara terancang untuk memastikan objektif pembelajaran bagi kemahiran menulis ( penulisan prosa ) dapat dicapai. Dari sudut pelajar pula, program penulisan secara bertahap ini diharapkan akan dapat meningkatkan kebolehan pelajar untuk menghasilkan karangan yang bermutu dari segi pengisian serta estetika bahasa. Ia juga secara tidak langsung akan mempersiapkan pelajar dengan kemahiran asas penulisan yang dapat digunakan untuk menangani tugas penulisan yang lebih mencabar di sekolah menengah.

### **Kajian Literatur**

Terdapat pelbagai kajian yang dilakukan untuk menentukan pendekatan yang terbaik untuk pengajaran kemahiran menulis khususnya dalam penulisan karangan berbentuk cereka. Menurut pakar neurologi Dr Eric H Lennenberg (2000), *sebelum mencapai usia baligh, otak kanak-kanak memang mudah dilentur. Dalam usia ini otak mereka mudah menerima informasi kerana proses penyerapan informasi mampu berlangsung dengan lancar.* Menurut kajian beliau, tempoh terbaik untuk mengajar kanak-kanak untuk menguasai sesuatu kemahiran ialah daripada usia enam hingga lima belas tahun. Hasil kajian beliau mendapati bahawa, kanak-kanak yang didedahkan dengan stimuli yang rencam khususnya bahan bacaan dan penulisan yang menarik sebelum usia 15 tahun, mampu menguasai sesuatu kemahiran sama seperti orang dewasa.

Menurut Donn Byrne (1988) pula , *menulis bukan sesuatu yang diperoleh secara spontan tetapi memerlukan usaha secara sadar di mana ia memerlukan individu untuk menuliskan kata dan mempertimbangkan cara mengkomunikasikan dan mengatur.*

Hasil dapatan daripada kajian tentang proses mengarang pelajar yang berbentuk rekursif (Emig 1971; Mischel 1974; Stallard] 974) dan bukan linear (Rohman and Wlecke 1964) pula, mendapati bahawa *pendekatan pengajaran mengarang yang berfokuskan hasil karangan telah berubah kepada proses mengarang.* Sejak kajian Emig (1971), *proses mengarang tidak dilihat sebagai satu proses yang statik dan bergerak dalam bentuk berurutan dan melibatkan langkah demi langkah.* Sebaliknya, *proses mengarang merupakan satu proses yang dinamik yang memperlihatkan pergerakan berulang dan bertindanan antara satu proses dengan satu proses yang lain.*(Flower and Hayes 1980, 1981).

Oleh sebab itu berlandaskan dapatan daripada kajian-kajian tersebut dapat diandaikan bahawa pengajaran kemahiran mengarang harus memberi lebih tumpuan kepada proses yang perlu dilalui semasa mengarang dan bukan kepada hasil karangan semata-mata. Justeru, dalam pengajaran kemahiran mengarang, proses mengarang yang melibatkan penggunaan strategi dan teknik mengarang disarankan menjadi tumpuan guru. Maka dapat disimpulkan tentang kepentingan penyelarasan bentuk pengajaran guru dengan membentuk kemahiran proses mengarang di kalangan pelajar di peringkat awal pendidikan.

## **Kaedah Kajian**

Kajian yang dijalankan dapat dibahagi kepada tiga tahap utama iaitu:

### **1) tahap tinjauan**

- meninjau permasalahan dan membuat tinjauan terhadap profil dan kelakonan pelajar

### **2) tahap perancangan dan pelaksanaan**

- menentukan bahan pra dan pasca-ujian, dan pentadbiran ujian untuk mendapatkan informasi tentang tahap persediaan pelajar disusuli dengan proses melakarkan program penulisan bertahap oleh pengkaji

### **3) tahap pemantauan**

- menjalankan sesi pengajaran menggunakan pakej penulisan yang dihasilkan. Sesi pemantauan di dalam kelas dilakukan untuk mendapatkan gambaran terhadap keberkesanan setiap proses penulisan yang diajar. Maklum balas pelajar diperoleh melalui sesi refleksi pelajar dan komen ibu bapa
- penilaian terhadap hasil kerja pelajar melalui rubrik penilaian mengarang

Pemantauan dijalankan secara berterusan untuk mengesan keberkesanan program ini serta mengenal pasti jurang yang wujud sewaktu program ini dilaksanakan di dalam bilik darjah. Maklumat-maklumat yang diperolehi digunakan untuk mengemaskini jurang yang timbul serta memperbaiki mana-mana bahagian program yang kurang berkesan atau memerlukan tindakan susulan.

## **Subjek Kajian**

Kohort pelajar darjah 3 dan 4 telah dipilih sebagai subjek kajian. Jumlah pelajar di peringkat darjah 3 mempunyai lebih ramai pelajar lelaki berbanding kohort darjah empat. Para pelajar terdiri daripada pelajar yang mempunyai latar belakang keluarga yang pelbagai maka wujud jurang dari segi pendedahan, pengetahuan serta penguasaan mereka dalam bahasa Melayu.

## **Instrumen Kajian**

Kajian ini menggabungkan penggunaan metode kuantitatif dan kualitatif untuk mengumpul dan menganalisa data. Bagi metode kuantitatif, pengkaji membuat perbandingan berdasarkan kelakonan pelajar dua peperiksaan utama (SA1 & SA2). Sesi pemantauan di dalam kelas, lapor balik daripada borang refleksi pelajar, serta temu bual dengan guru-guru dapat dijadikan sandaran untuk memperkukuh dan bukti dokumentasi bagi menentukan kesahihan dan kerelevanan program yang telah dijalankan.

## **Prosedur Kajian**

Salah satu keprihatin pihak Jabatan Bahasa Melayu Sekolah Park View ialah keupayaan pelajar untuk menghasilkan karangan yang baik. Berdasarkan keputusan pertengahan tahun kohort darjah 3 hingga 5, didapati bahawa ramai pelajar yang masih lemah dalam karangan samaada dalam bentuk karangan jenis naratif mahupun deskriptif. Dapatan tinjauan mendapati bahawa hampir 50% daripada setiap kohort berada dalam Band ( sederhana ) bagi kedua-dua komponen penilaiaian iaitu isi dan bahasa.

Keterbatasan dari segi pengalaman dan inventori kosa kata yang dimiliki pelajar merupakan punca utama pelajar kurang arif untuk mengembangkan isi cerita. Melalui pengamatan guru, pelajar seringkali mengolah isi cerita berdasarkan kata-kata panduan yang diberi di kertas soalan. Ketidakupayaan pelajar untuk mengolah cerita dengan memberi keterangan tambahan merupakan satu keprihatinan guru kerana kadar pemberatan yang lebih tinggi dari segi komponen isi apabila pelajar berada di peringkat atas.

Selain daripada itu, para guru mendapati mutu karangan yang dihasilkan kohort pelajar Darjah 3 dan 4 kurang menyerlah dari segi gaya bahasa. Para pelajar lebih cenderung menghasilkan ayat-ayat pendek untuk memberi penerangan tentang gambar yang diberi. Secara am, pelajar tidak berupaya untuk menyerap unsur estetika bahasa dengan menggabungkan teknik retorika bahasa di dalam penulisan disebabkan kurang pendedahan yang diberi oleh guru.

## **1) Tahap tinjauan**

### **Pelajar**

Setelah melakukan kerja-kerja menganalisa markah pelajar, pihak jabatan telah melakukan tinjauan melalui borang senarai semak untuk mendapatkan maklumat yang lebih terperinci tentang profil pelajar, kaedah pengajaran penulisan yang dijalankan oleh guru serta prosedur penulisan yang lazimnya digunakan oleh pelajar semasa melengkapkan latihan karangan

### **Guru**

Bagi pihak guru pula, satu borang maklum balas guru telah diedarkan untuk mendapatkan respons guru tentang kaedah yang digunakan untuk mengajar kemahiran menulis/mengarang, cabaran yang dialami semasa proses pengajaran dan pembelajaran dan komen guru terhadap prestasi pelajar secara am.

Hasil dapatan kedua-dua borang maklum balas dan senarai semak telah digunakan untuk mengenalpasti permasalahan-permasalahan yang dialami oleh guru dan pelajar. Tiga punca permasalahan utama yang dikenalpasti ialah :

- (i) kurang pendedahan yang diberikan kepada pelajar tentang teknik penulisan yang betul.
- (ii) tahap keyakinan guru untuk mengajar teknik penulisan disebabkan kurang pengalaman
- (iii) sumber pengajaran dan rujukan khusus untuk pengajaran teknik penulisan agak terhad di pasaran

## **2) Tahap perancangan dan pelaksanaan**

Setelah itu pihak pengkaji menghasilkan bahan pra-ujian untuk mengenalpasti kelemahan pelajar secara rinci. Bahan pra-ujian ini ditadbirkan pada bulan Julai untuk menentukan aspek-aspek penulisan yang harus diserapkan ke dalam pakej penulisan yang bakal dihasilkan.

Pihak jabatan telah melakarkan satu kerangka penulisan untuk projek ini. Kerangka ini menerangkan pendekatan yang digunakan untuk pengajaran aspek-aspek penulisan, metode yang digunakan semasa proses pengajaran, jangka waktu bagi setiap teknik penulisan dan mekanisme yang bakal digunakan untuk menilai tahap kelakonan dan prestasi pelajar.

### 3) Tahap pemantauan & dapatan kajian


Dapatan yang diperolehi adalah melalui tiga cara pertama melalui pemerhatian guru kedua melalui analisis tugas individu dan ketiga berdasarkan maklum balas pelajar di dalam tinjauan yang dijalankan. Pemerhatian dan analisis ini berlaku pada setiap fasa.

#### Dapatan Kajian dan Perbincangan

Hasil dapatan praujian menunjukkan bahawa daripada 39 pelajar, 7.7% mendapat Band Cemerlang dan 25.7% mendapat Band Baik. Terdapat juga segelintir pelajar yang gagal di dalam ujian ini, iaitu sebanyak 7.7%.


Dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat perbezaan markah purata antara sebelum dan selepas intervensi iaitu sebanyak +17% bagi Band Cemerlang. Perkembangan paling ketara ialah bagi Band Baik iaitu perbezaan sebanyak +22%. Bilangan pelajar yang didalam tahap lemah juga dapat dikurang pada -5%. Secara purata, ini menunjukkan ada peningkatan dalam markah karangan pelajar. Sila rujuk Rajah 1.

*Rajah 1: Peningkatan Markah Karangan*



Analisis secara rinci mengikut kohort pelajar juga menunjukkan trend yang positif. Sila rujuk Rajah 2.

**Rajah 2: Perbandingan Markah Karangan**



Penggunaan pendekatan proses penulisan dan pedagogi yang pelbagai dalam pengajaran karangan telah mampu merangsang pelajar untuk mencetuskan idea dan melahirkan kosa kata yang bermutu serta menambah keupayaan pelajar untuk menggunakan teknik penulisan dengan baik. Pengajaran teknik penulisan secara bertahap dan berstruktur juga membolehkan pelajar untuk menggarap teknik-teknik penulisan khusus dengan lebih berkesan. Kesannya pelajar lebih yakin untuk menghasilkan suatu produk penulisan secara individu.

Berdasarkan tinjauan dan pemerhatian guru, dapatan kajian menunjukkan prestasi pelajar yang lebih baik berbanding sebelum Pakej Tinta Emas ini diperkenalkan kepada pelajar. Pelajar yang agak lemah kini berupaya untuk menjana isi karangan yang relevan dan memastikan perkaitan idea di antara perenggan lebih koheren. Selain daripada itu, pelajar juga mempamerkan sikap yang lebih positif untuk mengetengahkan sekurang-kurangnya dua atau tiga teknik penulisan di dalam penulisan. Pelajar cemerlang pula menunjukkan pencapaian yang amat memberangsangkan dari segi pengolahan jalan cerita, kepaduan isi dan penggunaan ayat-ayat yang gramatis yang diselitkan dengan unsur retorika bahasa.

Melalui pengamatan guru-guru pula, projek ini telah berjaya meningkatkan motivasi pelajar terhadap penulisan karangan bentuk naratif dan deskriptif. Hasil dapatan analisis pencapaian tugas individu pelajar menunjukkan trend yang positif terhadap tahap keupayaan pelajar dalam menyerapkan teknik-teknik penulisan ke dalam karangan.

Dapatan daripada maklum balas guru juga menunjukkan trend yang positif. Justeru, pengajaran kemahiran mengarang melalui pendekatan proses bukan sahaja telah berjaya mengubah persepsi guru malahan ia juga dapat memupuk ketrampilan guru di dalam bilik darjah. Guru-guru kini lebih yakin dan dapat menyampaikan pengajaran dengan lebih berkesan disebabkan adanya bahan pengajaran yang terancang( sumber multimedia, slaid pengajaran, lembaran kerja ) dan sumber rujukan untuk kegunaan guru. ( Sila lihat lampiran 3 )

## Kesimpulan

Dapatan kajian menunjukkan bahawa pemahaman guru tentang pendekatan proses dalam pengajaran penulisan amatlah penting kerana ia akan memungkinkannya perubahan dalam bentuk pengajaran guru. Dengan itu, langkah pertama yang dapat dilaksanakan ialah memberi pengetahuan dan kesedaran kepada bakal guru tentang potensi pendekatan proses dalam pengajaran penulisan. Pemahaman guru yang kukuh tentang konsep proses mengarang akan dapat membantu guru membentuk rasional dan pengkonsepan rangka kerja pengajaran yang bersandarkan sifat proses.

## Rujukan

- Donn Byrne. 1988. *Teaching Writing Skills : Longman Handbooks for Language Teachers*. London. Longman Publishing Group
- EMIG, J. 1971. *The composing process of twelfth graders (Research report no. 13)*. Urbana, Illinois: NCTE.
- Flower, L.S. and J.R. Hayes. 1988. A cognitive process theory of writing. In *The Writing Teacher's Sourcebook*, ed. G. Tate and E.P.J. Corbett, 2nd edition. p.92-102. New York: Oxford University Press.
- Flower, L.S. and J.R. Hayes.. The dynamics of composing: making plans and juggling constraints. In *Cognitive Processes in Writing*, ed. L.W. Gregg and E.R. Steinberg, p. 31-50. Hillsdale NJ: Lawrence Erlbaum.
- Mooney C Garhart (2000). *Theories of Childhood: An Introduction to Davey, Montessori, Erikson, Piaget and Vygotsky*. Minnesota: Redleaf Press.